

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2024

HARI SELASA : 19 NOVEMBER 2024

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 3, NO. 12 HINGGA NO. 41)**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG CHEN [SUBANG]

TARIKH : 19 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN WONG CHEN [SUBANG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian sedang mempertimbangkan pelaksanaan Kecerdasan Buatan (A.I.) dalam pengesanan kanser di hospital awam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Terima kasih pada sahabat saya YB Subang yang menyentuh mengenai isu penting terkait agenda besar Kerajaan MADANI iaitu kecerdasan buatan atau Artificial Intelligence khususnya dalam rawatan kesihatan.

2. Teknologi kecerdasan buatan (AI) mempunyai potensi besar dalam mempertingkatkan lagi keupayaan sistem penjagaan kesihatan, terutamanya dalam aspek diagnosis dan pengesanan awal penyakit seperti kanser. Namun, manfaat dan potensi ini perlu dinilai dengan teliti untuk memastikan teknologi AI benar-benar memberi kesan positif dan selamat digunakan dalam sistem kesihatan di negara ini.

3. MaHTAS (*Malaysian Health Technology Assessment Section*), seksyen yang berada di bawah Bahagian Perkembangan Perubatan, Kementerian Kesihatan telah menjalankan beberapa penilaian teknologi yang melibatkan teknologi AI bagi maksud membantu pengesanan kanser. Antara kajian yang telah dijalankan adalah -

(a) **penilaian AI untuk saringan kanser paru-paru.**

Kajian ini menilai keberkesanan AI dalam membantu pakar perubatan radiologi mengesan kanser paru-paru melalui penggunaan sinar-X dada. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan algoritma AI meningkatkan sensitiviti dan menurunkan kadar keputusan positif palsu (*false positive*), terutamanya dalam kalangan pakar perubatan radiologi yang lebih junior. Kajian ini turut mencadangkan bahawa teknologi AI dapat menjadi 'mata kedua' (*second reader*) untuk membantu pengesanan nodul paru-paru dengan lebih tepat dan lebih awal.

Pada masa ini, pengujian di peringkat kajian lapangan dan penggunaannya secara lebih menyeluruh telah pun bermula

di Institut Kanser Negara (IKN) dan seterusnya disusuli di Hospital Cyberjaya, Hospital Kajang dan Hospital Putrajaya.

(b) **penilaian AI untuk saringan kanser payudara (Mammogram).**

MaHTAS juga menilai teknologi AI dalam saringan kanser payudara melalui mammogram. Walaupun dapatan awal menunjukkan potensi AI dalam membantu saringan, bukti yang tersedia masih lagi terhad. Kajian lanjut masih diperlukan bagi memastikan manfaat dan potensi teknologi AI sebagai alat tambahan bagi pengesanan dan diagnosis kanser payudara.

(c) **penilaian AI untuk saringan kanser serviks.**

KKM juga meneliti potensi teknologi AI bagi pengesanan awal kanser serviks menerusi penggunaan teknologi pengimejan medikal. Namun begitu, bukti saintifik yang menyokong keberkesanan teknologi ini masih lagi terhad. Potensi teknologi AI dalam saringan awal kanser serviks memerlukan penyelidikan dan kajian lanjutan.

4. MaHTAS Kementerian Kesihatan turut menjalankan penilaian terhadap teknologi lain yang berkaitan dengan AI, seperti dalam kes pengesanan awal penyakit tuberkulosis menggunakan sinar-X dada dan penggunaan aplikasi ultrasound mudah alih dengan integrasi AI.

5. Kesimpulannya, KKM sentiasa terbuka untuk mempertimbangkan penggunaan teknologi kecerdasan buatan dalam pengesanan penyakit khususnya kanser, di hospital awam, selagi mana teknologi tersebut terbukti selamat (*safe*), berkesan (*effective*), dan kos efektif (*cost-effective*).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. SITI MASTURA BINTI MUHAMMAD
[KEPALA BATAS]**

TARIKH : 19 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DR. SITI MASTURA BINTI MUHAMMAD [KEPALA BATAS] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah undang-undang dan garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian kepada syarikat-syarikat penyedia platform media sosial khususnya berkenaan tindakan memadam kandungan dan menyekat akaun yang berkaitan dengan suara pembangkang dalam pelbagai isu semasa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) menjalankan fungsi kawal selia dan penguatkuasaan dengan berpandukan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] dan juga tertakluk kepada undang-undang lain sedia ada tanpa mengira latar belakang mana-mana pihak. Setiap tindakan yang dijalankan, sebagai contoh penurunan kandungan, adalah berbentuk permohonan kepada penyedia perkhidmatan berdasarkan aduan dan permohonan daripada agensi penguatkuasaan yang lain. Begitu juga dengan tindakan penguatkuasaan di mana pihak MCMC menjalankan siasatan terhadap mana-mana kes yang diadukan oleh orang awam namun keputusan bagi pendakwaan adalah tertakluk kepada bidang kuasa Jabatan Peguam Negara.

Dengan mengambil kira peningkatan kes kemudaratan dalam talian yang berlaku pada masa ini, MCMC telah mengambil langkah proaktifewartakan peraturan pada 1 Ogos 2024, bahawa perkhidmatan media sosial dan pesanan internet perlu memohon Lesen Kelas Pemberian Perkhidmatan Aplikasi di bawah Akta 588 sebelum 1 Januari 2025.

Inisiatif ini diambil adalah untuk memastikan tindakan kawal selia dan penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan lebih menyeluruh khususnya dalam memerangi peningkatan aktiviti kemudaratan dalam talian oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Dalam hal ni, penyedia perkhidmatan juga perlu memainkan peranan yang penting dan bertanggungjawab dalam mewujudkan ekosistem dalam talian yang lebih selamat serta pengalaman lebih baik untuk pengguna terutama buat kanak-kanak dan seisi keluarga.

Ingin ditegaskan bahawa tindakan pelesenan perkhidmatan ini bukanlah satu bentuk sekatan terhadap hak kebebasan bersuara oleh mana-mana pihak yang sememangnya telah termaktub di bawah Perlembagaan Persekutuan. Hal ini kerana setiap keputusan atau arahan oleh pihak MCMC terhadap penyedia perkhidmatan yang berlesen adalah

NO SOALAN : 12

masih tertakluk di bawah undang-undang berkaitan serta perlu mematuhi prosedur undang-undang yang telah ditetapkan.

Sekiranya terdapat mana-mana pihak yang terkesan dengan keputusan atau arahan oleh MCMC, pihak tersebut boleh mengemukakan rayuan kepada Tribunal Rayuan yang ditubuhkan di bawah Akta 588 dan dipengerusikan oleh Hakim Mahkamah Tinggi. Pihak yang terkesan selanjutnya boleh merujuk kepada semakan kehakiman terhadap keputusan dan arahan tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU
[BATU GAJAH]**

TARIKH : 19 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU [BATU GAJAH] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan secara terperinci intervensi konstruktif Kementerian dalam membantu pembeli dan projek perumahan bermasalah, termasuk projek terbengkalai dan lewat penyerahan, bagi menjamin hak serta kesejahteraan pembeli.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) komited memastikan **setiap rakyat mempunyai tempat tinggal sama ada secara pemilikan atau sewaan (*shelter for all*)**. Dalam hal ini, KPKT sentiasa berusaha untuk memelihara dan melindungi hak pembeli dengan memastikan **pengurusan projek perumahan dilaksanakan dengan baik agar** projek tidak tergolong dalam kategori sakit atau terbengkalai. Ini adalah sejajar dengan hasrat prinsip MADANI yang mengutamakan kesejahteraan rakyat.

Sebagai usaha konstruktif dengan impak jangka panjang, KPKT sedang **memperhalusi penambahbaikan Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118]**. Cadangan penambahbaikan akan memastikan:

- i. **perincian mekanisme dan kaedah berkesan melindungi hak dan kepentingan pembeli** yang terlibat dengan projek perumahan terbengkalai;
- ii. **memperkasa tadbir urus dan pengurusan** pemajuan perumahan; dan
- iii. **memudah cara pemajuan perumahan swasta** ke arah kelestarian sektor dan industri perumahan.

Sehingga **31 Oktober 2024**, terdapat sebanyak:

- i. **212 projek** perumahan swasta berstatus **lewat melibatkan 35,238 unit rumah dan 25,081 pembeli**;
- ii. **382 projek** perumahan swasta berstatus **sakit melibatkan 63,267 unit rumah dan 32,721 pembeli**; manakala
- iii. **113 projek** perumahan swasta berstatus **terbengkalai melibatkan 30,502 unit rumah dan 16,055 pembeli**.

Khusus di **Negeri Perak** pula, terdapat sebanyak:

- i. **22 projek** perumahan swasta berstatus **lewat** meliputi **2,239 unit rumah dan 1,539 pembeli**;
- ii. **55 projek** perumahan swasta berstatus **sakit** meliputi **4,163 unit rumah dan 2,919 pembeli**; dan
- iii. **enam (6) projek** perumahan swasta berstatus **terbengkalai** meliputi **1,409 unit rumah dan 591 pembeli**.

Satu lagi penyelesaian tuntas bagi isu ini oleh KPKT adalah melalui penubuhan **Task Force Projek Perumahan Swasta Sakit dan Terbengkalai (TFST)**. Sejak diinstitusikan pada **Disember 2022 sehingga 31 Oktober 2024**, sebanyak **862 projek perumahan swasta** melibatkan **102,808 unit rumah** telah **diselesaikan** dengan nilai pembangunan kasar (*gross development value*, GDV) sebanyak **RM85.82 bilion**.

Sehingga **31 Oktober 2024** juga, terdapat **212 projek berstatus lewat**, **382 projek berstatus sakit** dan **113 projek dalam kategori terbengkalai** sedang dalam pemantauan TFST yang melaksanakan langkah-langkah berikut:

- i. bertindak sebagai **mediator** mencari **jalan penyelesaian** sama ada menyiapkan projek bersama pemaju asal, pemaju penyelamat atau pelikuidasi sehingga mendapat Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) atau penyelesaian bersama pembeli;
- ii. **mengadakan libat urus bersama pihak-pihak** merangkumi Kerajaan Negeri, Lembaga Perumahan dan Hartanah Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, agensi kerajaan, agensi teknikal, dan pemaju bagi mengenal pasti permasalahan serta jalan penyelesaian bersama; dan
- iii. apabila sesuatu projek telah disahkan terbengkalai, **pemaju perumahan dan Ahli Lembaga Pengarah Syarikat yang terlibat dengan projek terbengkalai akan disenarai hitam**. Lanjutan daripada itu, pihak tersebut akan **disekat daripada**

NO SOALAN : 13

memohon lesen pemajuan baharu dan akaun pemajuan perumahan (HDA) sedia ada akan dibekukan.

Kerajaan MADANI akan terus berusaha menangani isu projek sakit dan terbengkalai agar nasib pembeli terus dibela dan rakyat terus menikmati perumahan yang berkualiti.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : KOMANDER NORDIN BIN AHMAD ISMAIL
TLDM (BERSARA)
[LUMUT]**

TARIKH : 19 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

**KOMANDER NORDIN BIN AHMAD ISMAIL TLDM (BERSARA)
[LUMUT]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan status semasa pelaksanaan sasaran pencapaian yang digariskan di dalam Kertas Putih Pertahanan 2019 khususnya melibatkan perolehan keupayaan aset di domain laut dan udara untuk menjaga kedaulatan dan hak kedaulatan di Zon Maritim Malaysia mengambil kira insiden pencerobohan yang kerap berlaku di kawasan berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kertas Putih Pertahanan menggariskan tiga Tonggak Strategi Pertahanan iaitu Cegah Rintang Berpadu, Pertahanan Menyeluruh dan Perkongsian Berwibawa yang akan dilaksanakan dalam tempoh sepuluh tahun iaitu dari 2021 hingga 2030.

2. Bagi strategi Cegah Rintang Berpadu, Kementerian komited untuk membangunkan keupayaan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) berdasarkan 10 keutamaan yang digariskan dalam KPP menerusi perolehan yang telah dirancang dalam tempoh 2021 hingga 2030, iaitu merentasi RMKe-12 bagi jangka masa pendek dan sederhana serta RMKe-13 bagi jangka masa panjang. Perancangan perolehan aset-aset baharu seperti *Maritime Patrol Aircraft*, *Medium Altitude Long Endurance Unmanned Aerial System* dan *Light Combat Aircraft* telah disenaraikan di bawah RMKe-12 manakala aset-aset lain seperti *Littoral Mission Ship Batch 2* akan dilaksanakan di bawah RMKe-13.

3. Salah satu daripada kerangka pertahanan negara dalam KPP adalah mencapai objektif pertahanan negara dengan membangunkan pelbagai domain keupayaan untuk mengesan, mencegah dan menafikan sebarang ancaman terhadap kepentingan pertahanan Malaysia di sepanjang kawasan lapisan berpadu di kawasan-kawasan teras, lanjutan dan hadapan. Domain ini termasuklah domain darat, laut, udara serta pelbagai yang menyokong domain utama pertahanan negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE
[SANDAKAN]**

TARIKH : 19 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan cara penyelesaian isu kekurangan bekalan diesel subsidi di bawah Skim Subsidi Diesel dan Petrol Nelayan di Sabah khususnya Sandakan yang sering berlaku.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah melaksanakan Skim Subsidi Diesel dan Petrol Nelayan sejak 2006 sehingga kini. Subsidi ini adalah bertujuan untuk menampung sebahagian daripada kos minyak yang diperlukan oleh vesel nelayan. Penetapan/pengagihan kuota kepada peruncit iaitu Persatuan Nelayan (PN) adalah berdasarkan bilangan vesel, jumlah kuota vesel yang berdaftar dan diluluskan di bawah PN yang terbabit serta prestasi pelaksanaan Skim Subsidi Diesel Nelayan.

Pada tahun 2024, kerajaan telah memperuntukkan kuota diesel bersubsidi berjumlah tujuh puluh juta (70,000,000) liter sebulan untuk kegunaan nelayan di Zon A, B, dan C seluruh Malaysia. Berdasarkan rekod pendaftaran dalam Sistem eNelayan LKIM bagi 31 Ogos 2024, sebanyak sembilan ribu enam (9,006) buah vesel yang berkelayakan melibatkan kuota vesel berjumlah tujuh puluh empat juta, lapan ratus dua puluh dua ribu, tujuh ratus tujuh puluh lima (74,822,775) liter.

Manakala kuota diesel bersubsidi yang diluluskan kepada Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Sandakan adalah berjumlah dua juta, tujuh ratus tujuh puluh dua ribu (2,772,000) liter sebulan melibatkan tiga ratus enam puluh lapan (368) buah vesel dengan keperluan sebenar minyak diesel bagi vesel yang aktif berjumlah tiga juta, lapan ratus empat puluh dua ribu, enam ratus dua puluh lima (3,842,625) liter sebulan.

Bagi menangani isu kekurangan bekalan diesel subsidi, PN boleh memohon tambahan kuota untuk dipertimbang dan diselaraskan berdasarkan keperluan dari semasa ke semasa. Pada tahun 2024, sebanyak dua ratus ribu (200,000) liter tambahan diesel bersubsidi telah diluluskan kepada PNK Sandakan pada bulan Ogos dan seratus ribu (100,000) liter pada bulan September 2024 bagi menampung keperluan penggunaan diesel.

NO SOALAN : 15

KPKM melalui LKIM akan mengkaji keperluan diesel bersubsidi dari semasa ke semasa bagi memastikan nelayan yang berkecayaan dapat menikmati bantuan ini, tertakluk kepada kedudukan kewangan Kerajaan dan dasar semasa yang berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN ZAHARI BIN KECHIK [JELI]
TARIKH : 19 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN ZAHARI BIN KECHIK [JELI] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah bagi mengekang penjualan produk *vape* yang menyasarkan kepada pelajar sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memandang serius isu peningkatan peratus pengguna rokok elektronik dan vape di kalangan remaja. Fenomena ini semakin membimbangkan berikutan kehadiran pelbagai produk rokok elektronik yang direka dengan menarik dan menyerupai permainan, menjadikannya lebih mudah diakses dan diminati oleh golongan kanak-kanak dan belia.

2. Bagi mengekang penjualan produk vape yang menyasarkan kepada pelajar sekolah, KKM telah dan sedang mengambil langkah-langkah berikut:

- (i) Penguatkuasaan Akta Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 [Akta 852], sejak 1 Oktober 2024, menetapkan peraturan-peraturan seperti berikut:
 - (a) Larangan tegas terhadap penjualan dan pembelian semua produk merokok, termasuk rokok elektronik dan vape oleh golongan belum dewasa (OBD) seperti yang tertakluk di bawah Seksyen 13, Akta 852;
 - (b) Larangan penggunaan semua produk merokok, oleh golongan belum dewasa (OBD) seperti yang tertakluk di bawah Seksyen 17, Akta 852;
 - (c) Larangan penjualan semua produk merokok di institusi pengajian, dalam talian, mesin layan diri, *vape trak*, dan pasar jualan bagi mengurangkan kebolehdapatan produk-produk tersebut di pasaran yang diperuntukkan di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam (Kawalan Penjualan) 2024; dan
 - (d) Larangan penjualan bahan merokok jenis pod pakai buang yang menyerupai permainan dan makanan seperti yang dinyatakan di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam (Pembungkusan dan Pelabelan) 2024.
- (ii) Menjalinkan kerjasama dengan agensi penguatkuasaan lain

NO SOALAN : 16

bagi memastikan penguatkuasaan terhadap kawalan produk merokok dapat dilaksanakan dengan lebih efektif, menyeluruh dan berkesan. Agensi-agensi tersebut termasuklah:

- (a) Jabatan Kastam Diraja Malaysia bagi kawalan import;
 - (b) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri bagi kawalan peranti produk merokok; dan
 - (c) Pihak Berkuasa Tempatan bagi pelesenan premis dan pengilangan produk merokok.
- (iii) Bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam pelaksanaan inisiatif berikut:
- (a) Intervensi yang menyasarkan pelajar sekolah yang telah terjebak dalam tabiat merokok melalui Program Kesihatan Oral Tanpa Amalan Merokok (KOTAK) oleh pasukan pergigian sekolah dan kaunselor; dan
 - (b) Pengukuhan pekeliling yang melarang murid sekolah membawa barang terlarang seperti rokok elektronik dan vape.
- (iv) Bekerjasama dengan badan-badan bukan kerajaan (NGO) untuk menjalankan aktiviti advokasi dan promosi mengenai bahaya rokok elektronik atau vape sebagai usaha berterusan membendung tabiat merokok dalam kalangan pelajar sekolah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE
BIN HAJI APDAL [SEMPORNA]**

TARIKH : 19 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL [SEMPORNA] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan negeri bercadang untuk mencari formula dan kaedah baru bagi mengukur kadar kemiskinan di Sabah supaya data yang ada lebih realistik dan mencerminkan keadaan sebenar kedudukan sosioekonomi di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Secara umumnya Malaysia mengukur kemiskinan menggunakan tiga kaedah iaitu kemiskinan mutlak, kemiskinan relatif dan kemiskinan pelbagai dimensi. Kemiskinan mutlak diukur menggunakan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang merujuk kepada jumlah pendapatan bulanan isi rumah yang diperlukan untuk memenuhi keperluan minimum makanan dan bukan makanan bagi membolehkan setiap ahli isi rumah menjalani kehidupan yang sihat dan aktif. Kemiskinan relatif merujuk kepada isi rumah yang berpendapatan kurang daripada separuh pendapatan penengah negara dianggap miskin relatif. Manakala, kemiskinan pelbagai dimensi merujuk kepada pengukuran kemiskinan dalam konteks yang lebih luas merangkumi ketersisihan dalam dimensi kesihatan, pendidikan, taraf hidup dan pendapatan.

2. Pengukuran kemiskinan diperoleh daripada Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (HIES) menggunakan kaedah persampelan melibatkan sekitar 90 ribu isi rumah yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sebanyak dua kali dalam masa lima tahun. Dapatan data HIES digunakan antaranya untuk penggubalan dasar pada peringkat makro dan nasional.

3. Berdasarkan HIES 2022 yang terkini, nilai PGK peringkat nasional bagi tahun 2022 adalah RM2,589 berbanding RM2,208 pada tahun 2019. Pada peringkat nasional, insiden miskin adalah 6.2 peratus merangkumi 488 ribu isi rumah. Nilai PGK di Sabah bagi tahun 2022 adalah RM2,742 berbanding RM2,537 pada tahun 2019. Insiden kemiskinan di Sabah adalah 19.7 peratus merangkumi 118 ribu isi rumah.

4. Berbanding statistik DOSM yang dilaksanakan melalui kaedah persampelan untuk penggubalan dasar, data di bawah Bank Data Kemiskinan Nasional (eKasih) oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) menggunakan pendekatan survei secara bersemuka di lapangan untuk setiap isi rumah yang dikenalpasti. eKasih merupakan sumber data rujukan kepada Kementerian dan agensi

pemberi bantuan bagi mengenal pasti kumpulan sasar khususnya isi rumah miskin dan miskin tegar yang dikemaskini secara berkala.

5. Kerajaan menyedari bahawa keberkesanan usaha membasmi kemiskinan turut berkait rapat dengan sumber data utama yang dijadikan rujukan. Pada masa ini, sumber data utama yang diguna pakai adalah HIES dan eKasih. Walau bagaimanapun, sumber data yang diguna pakai mempunyai keterbatasan tertentu.

6. Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah memaklumkan berkenaan cadangan peralihan kaedah pengenalpastian kumpulan sasar daripada pengelasan kumpulan pendapatan isi rumah B40, M40 dan T20 kepada pendapatan boleh guna bersih, (*net disposable income* - NDI) yang mengambil kira Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar (PAKW). Kerajaan berpandangan konsep NDI ini boleh diperkenalkan sebagai asas untuk pemberian bantuan bagi mengurangkan risiko keciciran dan bersifat lebih adil mengambil kira aspek kehidupan wajar serta berbeza mengikut lokasi dan demografi isi rumah.

7. Peralihan kepada pendekatan baharu ini akan dimudah cara melalui Pangkalan Data Utama (PADU). PADU mengandungi data yang diintegrasikan daripada pelbagai sumber termasuk agensi Kerajaan Persekutuan, negeri dan badan berkanun yang mengandungi semua profil maklumat individu dan isi rumah yang terdiri daripada maklumat biografi, demografi, pekerjaan, pendapatan, maklumat isi rumah, status OKU, penerima bantuan serta rekod-rekod lain. Ini bertujuan untuk meminimumkan ralat pemasukan (*inclusion error*) dan penyisihan (*exclusion error*) serta membolehkan proses pemantauan dan penilaian yang lebih baik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ
[TANAH MERAH]**

TARIKH : 19 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ [TANAH MERAH] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan perancangan TUDM membina landasan kapal terbang di Pangkalan Udara (PU) Sendayan mengambil kira perjanjian asal land swap tanah milik MINDEF di PU Sg. Besi dengan Syarikat 1MDB sepatutnya diganti nisbah 1:1 iaitu meliputi pembinaan semula kemudahan pejabat, fasiliti berkaitan operasi kem tentera udara (hangar, stor senjata, berek penginapan dan landasan pesawat udara).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Secara dasarnya, Kementerian Pertahanan belum mempunyai perancangan untuk mewujudkan kemudahan landasan kapal terbang di Pangkalan Udara (PU) Sendayan berdasarkan kepada keperluan operasi pada masa ini. Ini disebabkan fungsi PU Sendayan bukanlah sebagai pangkalan operasi yang menempatkan skuadron penerbangan.

2. Sebagai makluman juga, PU Sendayan merupakan pusat latihan terbesar dan utama bagi Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang merangkumi pusat latihan seperti berikut:

- a. Markas Pemerintahan Pendidikan dan Latihan Udara (MPPLU);
- b. Institiut Kepimpinan dan Pengurusan (INSKEP);
- c. Institut Pengajian Pentadbiran dan Pengurusan (INSTAR);
- d. Institut Kepakaran Kejuruteraan (IKK);
- e. Pasukan Simpanan Tentera Udara (PSTU); dan
- f. Kompleks Sukan TUDM termasuk Kelab Equestrian ATM.

3. Selain itu, pangkalan ini turut menempatkan elemen pentadbiran dan sokongan yang lain seperti Pusat Islam, Kompleks Mahkamah Tentera TUDM, Kedai PERNAMA, muzium TUDM dan kemudahan-kemudahan lain untuk keselesaan warga PU Sendayan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LO SU FUI [TAWAU]

TARIKH : 19 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN LO SU FUI [TAWAU] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah-langkah dan dasar yang diambil untuk melindungi peluang pekerjaan, perniagaan dan pelaburan rakyat tempatan yang kian terancam oleh warga asing yang masuk dan bekerja di negara kita kerana segala dasar, usaha dan perancangan **WAJIB** membawa manfaat kepada warganegara Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penggunaan buruh asing telah menjadi fenomena biasa di kebanyakan negara di seluruh dunia. Ia bagi memenuhi keperluan tenaga kerja bagi sektor-sektor tertentu yang sukar diisi oleh tenaga buruh tempatan. Kemasukan pekerja asing ke Malaysia adalah bagi mengisi keperluan tenaga buruh terutama bagi sektor pembinaan, perkilangan, perkhidmatan, perladangan, pertanian, perlombongan dan pengkuarian.

Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) secara berterusan berusaha memperkasa pasaran buruh tempatan khususnya kepada pencari kerja tempatan termasuk penganggur.

Dalam keadaan ini, Kerajaan sedar bahawa kadar upah yang setimpal boleh menarik minat warga tempatan untuk memasuki pekerjaan dalam sektor-sektor tersebut. Selaras itu, Kerajaan telah melaksanakan usaha untuk memastikan kadar pembayaran yang lebih sesuai untuk semua pekerja melalui pelaksanaan gaji minimum di bawah Perintah Gaji Minimum (PGM) 2022. Menteri Kewangan semasa pembentangan Rang Undang-Undang Perbekalan (Belanjawan) 2025 pada 18 Oktober 2024 telah mengumumkan kadar gaji minimum RM1500 akan dinaikkan kepada RM1700 mulai Februari 2025.

Dalam masa yang sama, kerajaan terus menggalakkan majikan menawarkan gaji yang lebih kompetitif serta pemberian elaun tambahan bagi menarik minat pekerja tempatan untuk bekerja di sektor tersebut dengan memperkenalkan dasar gaji progresif dan pelaksanaan *Productivity Link Wages System* (PLWS).

Selain itu, KESUMA telah menggariskan syarat agar mana-mana majikan yang ingin melaksanakan pengambilan pekerja bukan warganegara, termasuk ekspatriat hendaklah mengiklankan kekosongan jawatan tersebut sekurang-kurangnya 14 hari di Portal MYFutureJobs bagi memastikan peluang pekerjaan di bidang berkenaan ditawarkan kepada pekerja tempatan terlebih dahulu.

NO SOALAN : 19

Selari dengan keperluan industri dan kemajuan teknologi, **kerajaan menggalakkan industri supaya beralih kepada penggunaan automasi, mekanisasi dan pendigitalan** yang dapat mewujudkan permintaan terhadap pekerja berkemahiran tinggi. Dalam masa sama, kebergantungan kepada pekerja asing berkemahiran rendah akan turut dikurangkan secara berperingkat;

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD SYAHIR BIN CHE
SULAIMAN [BACHOK]**

TARIKH : 19 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN HAJI MOHD SYAHIR BIN CHE SULAIMAN [BACHOK] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan pendapatan para petani khususnya penanam-penanam padi yang masih rendah dan di bawah kemiskinan dengan pendapatan sekitar RM300/hektar sahaja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sedang melaksanakan pelbagai inisiatif yang meliputi pelan jangka pendek, sederhana dan jangka masa panjang bagi memastikan produktiviti hasil padi yang stabil, sekali gus menyumbang kepada peningkatan pendapatan pesawah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, berdasarkan data aliran kewangan yang diperolehi daripada Jabatan Pertanian (DOA), anggaran pendapatan bersih per hektar semusim bagi pesawah adalah sebanyak RM3,514 dengan purata sebanyak RM586 sebulan. Justeru, bagi membantu meningkatkan pendapatan pesawah, antara usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan adalah melalui peningkatan produktiviti hasil padi meliputi:

(i) Menggalakkan Penggunaan Teknologi dan Menambah baik Pengurusan Penanaman Secara Sistemik

KPKM menggalakkan penggunaan teknologi pertanian seperti dron dan jentanam untuk meningkatkan hasil padi. Sebagai contoh, pelaksanaan program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Ala Sekinchan telah mencatatkan peningkatan purata hasil padi sehingga 10.45 tan metrik per hektar melalui penggunaan teknologi dan amalan pengurusan ladang yang baik. Ini dapat meningkatkan pendapatan pesawah dan mengurangkan bebanan kepada kos penanaman padi yang ditanggung mereka.

(ii) Memperkenalkan Varieti Padi Baharu

KPKM juga menggalakkan para pesawah untuk menggunakan varieti padi baharu hasil daripada proses penyelidikan dan pembangunan yang berterusan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI). Untuk makluman, pada tahun 2024, MARDI telah memperkenalkan dua (2) varieti padi spesialiti baharu berkualiti tinggi untuk meningkatkan hasil dan pendapatan pesawah di negara ini iaitu varieti padi wangi

tempatan MRQ 107 dan MRQ 111 yang mampu menjana hasil tuaian melebihi lima (5) metrik tan per hektar melalui pengurusan tanaman yang baik dan bernilai tinggi.

Kedua-dua varieti ini mempunyai tahap kerintangan yang baik terhadap penyakit karah daun dan karah tangkai, lebih berdaya tahan, lebih rintang penyakit dan lebih berhasil tinggi. Sehubungan dengan itu, penggunaan varieti padi baharu ini dijangka dapat membantu para pesawah dalam peningkatan hasil dan pendapatan.

(iii) Menyediakan Latihan berkaitan Pengurusan Penanaman

Pelbagai latihan berterusan disediakan oleh Kerajaan melalui Jabatan Pertanian Malaysia (DOA) bagi membantu pesawah melaksanakan intervensi segera jika sebarang musibah berlaku. Melalui pelaksanaan program-program peningkatan hasil padi seumpama ini, Kementerian menjangkakan para pesawah di seluruh negara akan dapat meningkatkan pendapatan mereka sehingga 50 peratus semusim.

(iv) Menggalakkan Pesawah Memperoleh Pensijilan MyGAP

Pensijilan MyGAP dan insentif khas di bawah Jabatan Pertanian turut disediakan bagi menggalakkan penyertaan pesawah. Kesemua usaha dan langkah ini dilihat mampu memberi dorongan kepada pesawah untuk meningkatkan hasil melalui amalan pertanian yang baik dan secara tidak langsung dapat meningkatkan pendapatan mereka.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LEE CHEAN CHUNG [PETALING JAYA]

TARIKH : 19 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN LEE CHEAN CHUNG [PETALING JAYA] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah jangka pendek dan sederhana untuk PPR Lembah Subang 1 yang mengalami isu lif dan pam yang selalu rosak, serta kemalangan yang kerap dan adakah kerajaan akan memulakan skim *rent-to-own* kepada penyewa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa mengutamakan keselesaan dan keselamatan peserta Program Perumahan Rakyat (PPR) seiring dengan konsep MADANI yang mengutamakan aspek kesejahteraan bersama.

Berkenaan dengan isu lif di PPR Lembah Subang 1 (Taman Putra Damai), Petaling Jaya Selangor yang kerap kali rosak disebabkan oleh kebocoran pada bangunan, pengendalian insiden terperangkap di dalam lif secara tidak teratur oleh penduduk serta isu vandalisme. Terdapat hanya sembilan (9) lif sahaja yang masih beroperasi daripada jumlah keseluruhan 23 lif yang disediakan. Justeru, Kementerian telah melaksanakan beberapa tindakan bagi menyelesaikan isu-isu ini.

Bagi tahun 2024, Kementerian melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) telah memperuntukkan sebanyak **RM800,000.00 di bawah inisiatif Belanjawan 2024 untuk pembaikan lif di PPR Lembah Subang 1**. Kerja-kerja ini dijangka mula dilaksanakan pada bulan November 2024 dan dijangka siap sepenuhnya pada bulan Mei 2025. Selain daripada itu, Kementerian turut **melantik kontraktor bagi perkhidmatan penyelenggaraan sistem lif elektrik secara komprehensif** melibatkan pemeriksaan rutin, pembersihan dan pelinciran komponen lif, penggantian komponen yang rosak dan haus serta pengujian keselamatan lif **di PPR tersebut bagi memastikan lif-lif ini diselenggara dengan baik**.

Berhubung isu pam di PPR Lembah Subang 1 pula, kerosakan berlaku disebabkan oleh keadaan pam yang semakin uzur dan perlu diganti baharu. Sehubungan itu, pihak Kementerian telah melaksanakan penggantian pam secara berperingkat bermula dari tahun 2022. Sehingga kini, **penggantian pam telah selesai dilaksanakan di empat (4) blok daripada keseluruhan lapan (8) blok di PPR ini, melibatkan perbelanjaan sebanyak RM274,590.00**. KPKT juga telah meluluskan peruntukan sebanyak **RM600,000.00 untuk menggantikan baki pam**

NO SOALAN : 21

di PPR Lembah Subang 1 dan kerja-kerja penggantian dijangka akan dimulakan pada bulan Disember 2024 dan siap pada bulan Mei 2025.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat juga, pihak Kementerian pada masa ini sedang dalam **proses pengemaskinian data peserta PPR Lembah Subang 1** bagi membantu Kementerian dalam penilaian berhubung **status kelayakan semasa peserta di PPR ini seperti pendapatan terkini dan status pemilikan rumah**. Sehubungan dengan itu, **sebarang tindakan berhubung cadangan penukaran skim sewaan kepada skim Sewa-Untuk-Milik (*Rent-To-Own* [RTO]) kepada peserta PPR ini akan dinilai semula setelah pengemaskinian data peserta ini selesai**. KPKT komited memastikan skim **Sewa-Untuk-Milik (*Rent-To-Own* [RTO]) yang diperkenalkan sejak tahun 2016**, sentiasa memenuhi objektifnya sebagai skim yang dapat **membantu golongan berpendapatan rendah yang sukar mendapatkan pembiayaan perumahan untuk memiliki rumah**.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, **penyelenggaraan dan pengurusan harta bersama di perumahan berstrata termasuklah PPR adalah di bawah tanggungjawab bersama komuniti**. Justeru, saya ingin mengambil kesempatan ini **menyeru kepada penduduk di PPR Lembah Subang 1 agar sentiasa mengambil tanggungjawab menjaga lif dan kemudahan harta bersama lain yang tersedia di kawasan perumahan** agar kemudahan ini dapat dinikmati dengan selesa sepanjang masa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD
RAMLI [DUNGUN]**

TARIKH : 19 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKAN** menyatakan langkah bagi menangani masalah kawasan tanaman, ladang ternakan, dan kolam akuakultur yang sering terjejas akibat banjir yang dihadapi pengusaha-pengusaha kecil di kawasan yang banyak menyumbang kepada keterjaminan makanan negara di Pantai Timur, khususnya Negeri Terengganu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sentiasa prihatin dan memandang serius terhadap masalah pengusaha kecil di Pantai Timur, khususnya Negeri Terengganu yang terkesan akibat risiko bencana. KPKM telah mengenal pasti langkah-langkah bagi menangani masalah kawasan tanaman, ladang ternakan dan kolam akuakultur yang sering terjejas akibat banjir seperti berikut:

- (i) **Membangunkan peta risiko banjir** jangka panjang bagi kawasan pertanian berdasarkan unjuran perubahan iklim melalui kerjasama antara Institut Penyelidikan & Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Institut Penyelidikan Air Kebangsaan (NAHRIM). Maklumat ini boleh dimanfaatkan oleh petani atau pengusaha untuk membuat penjadualan aktiviti pertanian dan menyusun strategi terbaik bagi mengurangkan risiko kerugian;
- (ii) **Menyalurkan bantuan secara tunai dan *in-kind*** (barangan) kepada petani yang menghadapi kerugian akibat bencana alam seperti banjir untuk meneruskan aktiviti pertanian. Pada tahun 2024, KPKM telah memperuntukkan sebanyak 50 juta ringgit melalui Tabung Bencana Pertanian dan 12 juta ringgit melalui Tabung Bencana Tanaman Padi; dan
- (iii) **Mempergiatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D)** untuk meningkatkan pengeluaran pertanian yang dapat beradaptasi dengan perubahan iklim. Contohnya, penyelidikan oleh MARDI untuk menghasilkan varieti padi tahan banjir yang dijangka siap pada tahun 2028. Varieti ini diharap dapat memberi penyelesaian bagi kawasan pertanian padi yang sering terjejas akibat banjir, sekaligus memastikan kelangsungan pengeluaran padi.

NO SOALAN : 22

KPKM komited untuk membangunkan teknologi dan inisiatif baharu yang bertujuan untuk mengurangkan kesan akibat banjir ke atas sektor agromakanan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DR. KELVIN YII LEE WUEN
[BANDAR KUCHING]**

TARIKH : **19 NOVEMBER 2024 (SELASA)**

SOALAN

DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan secara terperinci pelan Kementerian untuk melaksanakan reformasi sistem pembiayaan kesihatan untuk menangani peningkatan kos rawatan dan perubatan di negara kita.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan (KKM) menyedari bahawa peningkatan kos rawatan dan perubatan memberi tekanan kepada rakyat dan berpotensi menjejaskan akses kepada penjagaan kesihatan. Justeru, KKM komited untuk melaksanakan **reformasi menyeluruh dalam sistem pembiayaan kesihatan** bagi memastikan penjagaan kesihatan kekal mampan, inklusif, dan berdaya tahan untuk semua lapisan masyarakat.

2. Dalam usaha memperkasakan rakyat untuk membuat **keputusan yang bermaklumat (*informed decision*)**, Kementerian Kesihatan juga menggalakkan **ketelusan harga (*price transparency*)** dalam sektor penjagaan kesihatan swasta. Ini akan membolehkan rakyat membuat perbandingan dan membuat keputusan yang lebih tepat mengenai perkhidmatan kesihatan yang mereka perlukan.

3. **Penjagaan kesihatan berasaskan nilai (*value-based healthcare*)** juga akan diterapkan secara meluas. Pendekatan ini menekankan **peningkatan tahap kesihatan (*outcome-based*)** berbanding pembayaran kepada input (*input-based payments*), dengan matlamat untuk meningkatkan kualiti rawatan dan memastikan kos penjagaan kesihatan lebih berpatutan. KKM juga menggunakan **pembelian strategik** melalui perkhidmatan penyumberluaran untuk mendapatkan perkhidmatan swasta dengan kos yang lebih rendah sambil mengekalkan kualiti rawatan.

4. Bagi memastikan **sistem penjagaan kesihatan primer (*Primary Health Care - PHC*)** terus berperanan sebagai benteng pertama penjagaan kesihatan, Kementerian Kesihatan akan terus mempergiatkan kerjasama sektor awam dan swasta melalui program PeKA B40. Inisiatif pencegahan, saringan awal, dan pengurusan penyakit tidak berjangkit (NCD) sedang dipertingkatkan bagi mengurangkan komplikasi dan menurunkan kos penjagaan kesihatan dalam jangka panjang.

5. Selanjutnya, KKM memperkenalkan Program **Rakan KKM**, satu inisiatif inovatif yang membolehkan hospital awam menawarkan perkhidmatan kesihatan **nilai tambah** kepada pesakit yang mampu membayar, tanpa tanpa menjejaskan akses dan kualiti penjagaan untuk golongan yang kurang berkemampuan. Hasil daripada inisiatif ini akan disalurkan semula kepada hospital melalui subsidi silang supaya akses kepada penjagaan kesihatan bagi golongan B40 dan M40 tidak terjejas.

Pendekatan ini menjamin bahawa kualiti perkhidmatan di sektor awam terus diperkukuh tanpa menambah beban kos kepada rakyat yang kurang berkemampuan.

6. Akhir sekali, KKM juga mengambil langkah proaktif dengan memberi tumpuan kepada **faktor penentu sosial kesihatan** (*Social Determinants of Health* - SDH) bagi menangani punca utama penyakit tidak berjangkit, seperti kencing manis dan darah tinggi. Usaha ini termasuk Perang Terhadap Gula, cukai ke atas minuman bergula (SSB), sistem label panduan nutrisi depan (*NutriGrade*) untuk memberikan maklumat tentang kandungan gula dan garam dalam produk makanan dan minuman, penguatkuasaan undang-undang berkaitan tembakau serta usaha meningkatkan kecelikan kesihatan dalam kalangan rakyat. Usaha ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran kesihatan dan mempromosikan pilihan gaya hidup sihat di kalangan rakyat Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI
SALLEH [PASIR PUTEH]**

TARIKH : 19 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH [PASIR PUTEH] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan langkah-langkah segera pihak kementerian bagi memastikan masalah jaringan internet di kawasan luar bandar khususnya dalam Parlimen Pasir Puteh dapat diatasi dan apakah status projek JENDELA di Parlimen Pasir Puteh.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sentiasa memberi tumpuan kepada penambahbaikan infrastruktur komunikasi melalui penyediaan liputan jalur lebar berkelajuan tinggi dengan menggunakan pelbagai teknologi bagi mengatasi masalah jaringan internet. Ini adalah bagi membolehkan rakyat menikmati akses kepada perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi yang lebih menyeluruh di kawasan luar bandar termasuk Parlimen Pasir Puteh.

Sehingga 31 Ogos 2024, pelaksanaan Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) Fasa 1 di Parlimen Pasir Puteh adalah termasuk enam buah menara komunikasi baharu yang telah siap dibina. Kesemua 151 stesen pemancar juga telah siap dinaik taraf dan sebanyak 3,465 premis daripada 3,949 yang dirancang telah tersedia dengan capaian gentian optik. Baki inisiatif ini akan siap secara berperingkat pada suku keempat tahun 2025.

Antara langkah dan inisiatif yang sedang dipertimbangkan dan diteliti oleh MCMC bagi meningkatkan akses kepada jalur lebar adalah melalui rancangan JENDELA Fasa 2. Perancangan JENDELA Fasa 2 ini memerlukan penilaian dan pertimbangan kaedah pemberian perkhidmatan yang sesuai (*fit-for-purpose*) serta keupayaan Dana Pemberian Perkhidmatan Sejangat untuk membiayai perbelanjaan modal dan perbelanjaan operasi projek ini.

MCMC mengambil maklum bahawa terdapat beberapa lokasi yang bermasalah dari segi liputan dan kualiti perkhidmatan di Parlimen Pasir Puteh. Oleh yang demikian, aduan orang ramai adalah amat diperlukan bagi membantu pemberi perkhidmatan dan MCMC dalam menyegerakan tindakan bagi menangani isu jaringan internet yang dihadapi.

Para pengguna adalah digalakkan untuk membuat aduan secara terus kepada pemberi perkhidmatan sekiranya perkhidmatan yang disediakan adalah tidak memuaskan agar tindakan yang sewajarnya

dapat diambil. Sekiranya aduan tersebut tidak dapat diselesaikan, aduan kepada MCMC juga boleh dilakukan di laman portal aduan MCMC di <https://aduan.mcmc.gov.my>.

Kerajaan juga turut melaksanakan penyediaan infrastruktur jalur lebar menggunakan kaedah *Point of Presence* (PoP) hab gentian optik. Sehingga 3 Oktober 2024, sebanyak 58 PoP telah berjaya disiapkan sepenuhnya bagi Fasa 1 menjadikan 6,336 premis tersedia dengan sambungan gentian optik untuk dilanggan oleh komuniti setempat manakala 109 PoP di negeri Kelantan dijadualkan siap sepenuhnya pada tahun 2025. Bagi Parlimen Pasir Puteh, tujuh PoP telah selesai dibina sepenuhnya bagi Fasa 1 dan enam PoP dijadualkan siap sepenuhnya pada akhir tahun 2025. 768 premis kini telah tersedia dengan sambungan gentian optik untuk dilanggan oleh komuniti setempat di Parlimen Pasir Puteh.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI YUSUF BIN ABD. WAHAB
[TANJONG MANIS]**

TARIKH : 19 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN HAJI YUSUF BIN ABD. WAHAB [TANJONG MANIS] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan berapa jumlah rumah PPRT yang telah dilaksanakan di kawasan Parlimen Tanjong Manis. Berapa kos untuk setiap rumah PPRT dan apakah kesan kenaikan harga bahan binaan terhadap kos setiap rumah PPRT.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, KKDW telah menjenamakan semula Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) kepada Program Perumahan Rakyat Sejahtera (PPRS) susulan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 7 Ogos 2024. Penjenamaan ini turut melibatkan peningkatan kadar bantuan semasa daripada RM66 ribu kepada **RM79 ribu bagi Semenanjung Malaysia** dan RM79 ribu kepada **RM85 ribu bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan**. Manakala kadar siling Baik Pulih PPRS meningkat daripada RM15 ribu bagi Semenanjung Malaysia dan RM17 ribu di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan kepada **nilai maksimum RM20 ribu**. Kenaikan kadar ini adalah bagi menampung peningkatan kadar kos binaan semasa serta memastikan rumah yang dibina adalah selamat, utuh serta memberi keselesaan kepada penerima bantuan.

Bagi tahun 2021 sehingga 2024, sebanyak 565 unit Program Perumahan Rakyat Sejahtera (PPRS) telah dilaksanakan di kawasan Parlimen Tanjung Manis yang melibatkan 105 unit Bina Baharu dan 465 unit Baik Pulih.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. AHMAD FAKHRUDDIN BIN FAKHRURAZI
[KUALA KEDAH]**

TARIKH : 19 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DR. AHMAD FAKHRUDDIN BIN FAKHRURAZI [KUALA KEDAH] minta
MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
menyatakan:

- (a) jumlah yang telah dibelanjakan daripada peruntukan RM59.4 juta bagi melaksanakan program Subsidi Baja dan Racun Padi Bukit/Huma (SBRPB) bagi tahun 2024; dan
- (b) hasrat Kementerian meluaskan penanaman padi huma di negeri selain Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan bagi program Subsidi Baja dan Racun Padi Bukit/Huma (SBRPB) ini hanya akan dibelanjakan selepas pembekalan selesai dilaksanakan dengan sempurna oleh pihak pembekal, serta semua proses tuntutan selesai di peringkat pembekal dan agensi pembayar, termasuk penghantaran dokumen tuntutan yang lengkap.

- (b) Untuk makluman Yang Berhormat, penanaman padi huma di Semenanjung telah pun dilaksanakan secara rintis oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah mulai tahun 2023. LZNK telah mengambil alih seluas kira- kira 12 hektar tanah-tanah sawah terbiar di luar jelapang dan telah menanam sebanyak enam (6) varieti padi huma sebagai percubaan di negeri Kedah dengan purata hasil padi sebanyak empat (4) hingga enam (6) tan metrik per hektar. Enam (6) varieti padi huma tersebut adalah Tangkai Langsung, Tok Ya, Jarum Galah, Bario, Padi Perang dan Padi Hitam.

Berdasarkan kepada hasil yang telah dicatatkan, Kerajaan kini sedang dalam usaha untuk meluaskan kawasan penanaman padi bukit tersebut secara rintis melibatkan kawasan tanaman padi yang lain di Semenanjung. Perkara ini juga akan dilaksanakan secara berperingkat bagi mengenal pasti kesesuaian keadaan tanah dan varieti padi untuk ditanam di kawasan Semenanjung Malaysia. Ini merupakan salah satu usaha Kementerian bagi berdepan dengan isu perubahan iklim yang tidak menentu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN HAJI AHMAD JOHNIIE BIN
ZAWAWI [IGAN]**

TARIKH : **19 NOVEMBER 2024 (SELASA)**

SOALAN

TUAN HAJI AHMAD JOHNIIE BIN ZAWAWI [IGAN] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini pembinaan Klinik Kesihatan Daro dan pembinaan Klinik Pergigian Daro. Bilakah projek ini akan bermula dan siap sepenuhnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, Projek Klinik Kesihatan (Jenis 4) Daro, Mukah baru sahaja mendapat kelulusan kenaikan kos daripada Kementerian Ekonomi dan telah dimaklumkan kepada JKR Sarawak melalui surat bertarikh 18 Ogos 2024. Sehubungan itu, JKR Sarawak kini sedang dalam proses perolehan dan Surat Setuju Terima kepada kontraktor dijangka boleh dikeluarkan pada suku kedua tahun 2025. Projek ini dijangka siap dalam dalam tempoh 30 bulan dari tarikh kontraktor memasuki tapak.

2. Untuk Klinik Pergigian Daro pula, Kementerian ini sedang dalam proses untuk melantik kontraktor penyiap berikutan penamatan kontraktor asal pada bulan September 2022. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, proses perolehan bagi projek ini telah bermula pada bulan Mei 2023 untuk pelantikan perunding dan disusuli dengan proses perolehan tender untuk pelantikan kontraktor penyiap pada bulan November 2023. Walau bagaimanapun, Lembaga Perolehan KKM pada 8 Februari 2024 telah bersetuju supaya tender projek ini dibatalkan atas sebab ketidakpatuhan tender dan perlu ditender semula.

3. Setelah diteliti semula terdapat peningkatan kos, KKM telah mengemukakan permohonan kenaikan kos kepada pihak Kementerian Ekonomi pada 5 Jun 2024 dan kelulusan telah diterima pada 26 September 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **KAPTEN AZAHARI BIN HASAN
[PADANG RENGAS]**

TARIKH : **19 NOVEMBER 2024 (SELASA)**

SOALAN

KAPTEN AZAHARI BIN HASAN [PADANG RENGAS] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini skim perubatan **MADANI** menunjukkan bahawa skop capaian semakin terhad, dengan hanya 7 negeri di seluruh negara yang terlibat dan hanya satu kawasan di negeri Perak iaitu Kinta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Skim Perubatan MADANI telah dilancarkan pada 15 Jun 2023 sebagai projek rintis bertujuan untuk mengurangkan kesesakan di Jabatan Pesakit Luar dan Klinik Kesihatan KKM. Mulai 26 Februari 2024, skop operasi Skim Perubatan MADANI terhad kepada 10 daerah yang dikenal pasti iaitu W.P. Kuala Lumpur, Gombak, Hulu Langat, Petaling, Klang (Selangor), Johor Bahru (Johor), Kinta (Perak), Timur Laut (Pulau Pinang), Kota Kinabalu (Sabah) dan Kuching (Sarawak).
2. Pengkhususan liputan ini bertujuan untuk memastikan penggunaan sumber kewangan secara efisien dan menambah baik pelaksanaan Skim Perubatan MADANI. Bagi penyampaian perkhidmatan di luar kawasan 10 daerah ini, rawatan bagi sakit-sakit ringan masih boleh didapati di Klinik Kesihatan dan Klinik Desa yang berdekatan.
3. Fokus operasi di 10 daerah ini adalah selaras dengan objektif Skim Perubatan MADANI bagi mengurangkan kesesakan di fasiliti kesihatan KKM serta memastikan program ini terus efisien dan mampan.
4. Dalam Belanjawan 2025, RM100 juta telah diperuntukkan untuk memastikan kesinambungan dan keberkesanan Skim Perubatan MADANI.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA BUNG MOKTAR
BIN RADIN [KINABATANGAN]**

TARIKH : 19 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA BUNG MOKTAR BIN RADIN [KINABATANGAN] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini projek pembinaan jalan raya di kawasan Kinabatangan yang bertujuan meningkatkan aksesibiliti penduduk luar bandar dan memudahkan akses kepada kemudahan kesihatan dan pendidikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Pusat telah meluluskan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah Fasa 1B pada Rolling Plan 3, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Skop bagi projek ini adalah:

- i) Menaiktaraf jalan tunggal 2 lorong 2 hala sediaada kepada jalan berkembar 4 lorong 2 hala bermula dari KM43 Jalan Tawau – Semporna ke Ranau dengan piawaian R5 (295.8 km); dan
- ii) Membina jalan tunggal 2 lorong 2 hala dari Rampayan Laut ke Simpang Mengayau, Kudat dengan piawaian R5 (71.7 km).

Pakej pembinaan yang terlibat bagi projek ini di kawasan Kinabatangan adalah:

- 1) Pakej Kerja 24: Menaiktaraf Jalan Dari Sungai Takala Ke Kampung Perpaduan Datuk Moh (WP24);
- 2) Pakej Kerja 25: Menaiktaraf Jalan Dari Kampung Perpaduan Datuk Moh Ke Sukau (WP25); dan
- 3) Pakej Kerja 26: Menaiktaraf Jalan Dari Sukau Ke Kampung Lot M (WP26).

Proses perolehan bagi dua (2) pakej kerja telahpun selesai dan dimuktamadkan. Projek LPB Sabah pakej WP24 telah dikeluarkan Surat Setuju Terima (SST) pada 9 September 2024 dan tarikh milik tapak pada 11 Oktober 2024. Manakala SST bagi pakej WP26 telah dikeluarkan pada 29 Ogos 2024 dan Tarikh milik tapak pada 30 September 2024. Kedua-dua pakej tersebut dijadualkan akan mula masuk tapak pada suku ke empat tahun 2024.

Bagi pakej WP25 pula, ianya masih di peringkat perolehan dan dijadualkan dapat dimuktamadkan dan dikeluarkan SST pada suku keempat tahun 2024. Ketiga-tiga pakej ini akan dilaksanakan dengan tempoh pembinaan selama 4 tahun.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJAH MUMTAZ BINTI MD NAWI
[TUMPAT]**

TARIKH : 19 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' HAJAH MUMTAZ BINTI MD NAWI [TUMPAT] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan status terkini perancangan untuk penubuhan Bahagian Undang-Undang Tentera selaras dengan kepentingan dan perkembangan fungsi bahagian itu sendiri, seperti mempunyai identiti bahagian sekaligus boleh ditugaskan secara khusus untuk mendepani isu terkini dan kehendak perundangan semasa yang semakin kompleks.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Perkara-perkara yang melibatkan isu perundangan di Kementerian Pertahanan adalah di bawah tanggungjawab Bahagian Undang-Undang Kementerian yang terdiri daripada pegawai perundangan daripada Jabatan Peguam Negara yang berfungsi sebagai penasihat dan pakar rujuk bagi semua perkara yang melibatkan perundangan. Di Peringkat Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Pejabat Perundangan Angkatan Tentera Malaysia (PPATM) di bawah Markas ATM bertanggungjawab sebagai penasihat dan pakar rujuk bagi semua perkara yang melibatkan perundangan angkatan tentera.

2. Selaras dengan keperluan Kertas Putih Pertahanan, melalui kerangka ATM untuk menjadi sebuah Angkatan Masa Hadapan (AMH), PPATM ini akan dinaiktaraf menjadi Cawangan Perundangan ATM yang diketuai oleh seorang Pengarah Perundangan berpangkat Kolonel setaraf. Cawangan Perundangan ini akan diletakkan di bawah Bahagian Provos dan Perundangan yang diterajui oleh Ketua Provos Marsyal (KPM) berpangkat Brigedier Jeneral setaraf.

3. Cawangan Perundangan ATM akan menjalankan fungsi dan peranan dalam memberi khidmat nasihat perundangan kepada kepimpinan ATM berhubung semua dasar dan arahan yang melibatkan ATM termasuk pentadbiran disiplin, perundangan tentera dan perundangan operasi serta perkara-perkara lain yang berkaitan. Penambahbaikan ini diyakini mampu mendepani segala isu terkini serta keperluan perundangan di peringkat semua cabang Perkhidmatan ATM dan Kementerian Pertahanan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WETROM BIN BAHANDA
[KOTA MARUDU]**

TARIKH : 19 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK WETROM BIN BAHANDA [KOTA MARUDU] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah Kementerian mempunyai perancangan menjadikan Kota Marudu sebagai hab pengeluaran beras dan sekiranya ada, apakah perancangan semasa dari Kementerian bagi naik taraf fasiliti dan kemudahan pertanian sedia ada di Kota Marudu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sememangnya prihatin berkenaan tahap fasiliti dan kemudahan pertanian sedia ada di Kota Marudu. Pada permohonan peruntukan Rolling Plan (RP3) bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), Kementerian telah memohon peruntukan sebanyak RM70 juta untuk projek Rancangan Menaiktaraf Skim Pengairan Daerah Kota Marudu, Sabah. Namun permohonan tersebut tidak dipertimbangkan kerana keutamaan pada ketika itu diberikan kepada pembangunan kawasan jelapang Kota Belud.

Namun demikian, pada tahun 2024 Kementerian telah menyediakan peruntukan sejumlah RM200,000 ke Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sabah bagi kerja-kerja penyelenggaraan infrastruktur pengairan di Skim Pengairan Tandek, Skim Pengairan Timbang Batu dan Skim Pengairan Marudu.

Kementerian juga berhasrat untuk memohon peruntukan dalam Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) dengan perancangan yang lebih terperinci bagi membangunkan Skim Pengairan Daerah Kota Marudu, Skim Pengairan Talantang 2, Layung dan Mongkowosing serta Skim Pengairan Timbang Batu di bawah empat projek menaiktaraf infrastruktur pengairan dan saliran pertanian serta jalan pertanian di Kota Marudu yang melibatkan kawasan sawah padi seluas 5,740 hektar dengan anggaran kos projek sebanyak RM105.8 juta seperti berikut:

- (i) **Rancangan Menaiktaraf Skim Pengairan Daerah Kota Marudu, Sabah (Fasa 1)** melibatkan kos RM49.8 juta;
- (ii) **Rancangan Skim Pengairan Marudu: Membina Jalan Ladang Serta Kerja Lain Berkaitan, Kota Marudu, Sabah (Fasa 2)** melibatkan kos RM7 juta;

- (iii) **Cadangan Skim Pengairan Talantang 2:** Layung-Mongkowsing, Kota Marudu, Sabah melibatkan kos RM36 juta; dan
- (iv) **Rancangan Skim Pengairan Timbang Batu:** Membina Empangan Dan Kerja Lain Berkaitan, Kota Marudu, Sabah melibatkan kos RM13 juta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ROSLAN BIN HASHIM
[KULIM BANDAR BAHARU]**

TARIKH : 19 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN ROSLAN BIN HASHIM [KULIM BANDAR BAHARU] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah 15 lebuh raya bertol akan mendapat penarafan 4 bintang demi keselamatan dan keselesaan pengguna.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan menerusi Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) sentiasa memberikan keutamaan terhadap aspek operasi dan penyenggaraan lebuh raya bagi memastikan lebuh raya disenggara mengikut piawaian yang ditetapkan demi keselamatan dan keselesaan pengguna lebuh raya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tahap prestasi penyelenggaraan setiap lebuh raya akan dinilai dan diberikan penarafan bintang setiap enam (6) bulan menerusi sistem *Expressways Performance Indicator* (EPI).

Daripada analisa prestasi bagi tempoh Januari – Jun 2024, pihak LLM mendapati 17 daripada 32 buah lebuh raya (tidak termasuk Lebuhraya SUKE, DASH dan SPE) berjaya mencapai rating 4 bintang dan jumlah berkenaan telah mencatatkan peningkatan berbanding tempoh Analisa sebelum ini. Pihak LLM sentiasa berusaha untuk memastikan Syarikat Konsesi mencapai penarafan 4 bintang berdasarkan peruntukan yang telah ditetapkan di dalam Perjanjian Konsesi.

Buat masa ini, prestasi penyelenggaraan lebuh raya tersebut sedang dipantau dan keputusan analisa penarafan bintang yang seterusnya iaitu bagi separuh tahun ke-2 (Julai – Disember 2024) dijadualkan akan diperolehi pada Januari 2025. LLM sentiasa memantau kerja – kerja penyelenggaraan lebuh raya oleh Syarikat Konsesi bagi memastikan jumlah lebuh raya yang mencapai penarafan rating 4 bintang akan meningkat selaras dengan tindakan mitigasi dan langkah – Langkah pemantauan yang telah ditingkatkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI JALALUDDIN BIN
HAJI ALIAS [JELEBU]**

TARIKH : 19 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS [JELEBU] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sehingga September 2024, adakah berlakunya lambakan rumah lot Bumiputera yang tidak terjual di setiap negeri dan apakah tindakan yang dilakukan oleh Kementerian bagi mengatasi masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kerajaan MADANI sentiasa memberikan **komitmen yang berterusan** dalam memastikan **setiap rakyat mempunyai tempat tinggal tanpa mengira sama ada secara pemilikan atau sewaan (*shelter for all*)**. Justeru, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bersedia untuk menggembelng usaha dan inisiatif bagi memastikan hasrat ini tercapai sama ada melalui dasar mahupun program sedia ada.

Isu lambakan rumah siap dibina tidak terjual (*overhang*) adalah disebabkan oleh wujudnya kesenjangan di antara permintaan dan penawaran rumah dalam pasaran. Ini merupakan situasi di mana perumahan yang dibina **tidak memenuhi keperluan penduduk setempat** sama ada daripada aspek **kuantiti, kualiti mahupun harga** berbanding pendapatan.

Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (*National Property Information Centre*, NAPIC), bagi data awalan suku kedua tahun 2024 (Q2^P 2024), **bilangan unit rumah siap dibina tidak terjual adalah sebanyak 24,642 unit (17.7%) dengan nilai RM14.24 bilion berbanding keseluruhan 128,032 unit rumah yang dilancarkan**. Unit rumah yang tidak terjual ini turut meliputi unit rumah di bawah kuota Bumiputera yang tidak terjual di seluruh negara.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, **penetapan kuota dan diskaun harga hartanah Bumiputera** adalah di bawah **bidang kuasa Kerajaan Negeri**. Buat masa ini, **kuota minimum pemilikan Bumiputera yang ditetapkan adalah sebanyak 30%** bagi keseluruhan pembangunan termasuk perumahan mampu milik. Walau bagaimanapun ia adalah tertakluk kepada **keputusan dan dasar Kerajaan Negeri**. Namun, bagi memastikan isu lambakan rumah tidak

terjual dapat dikawal termasuk melibatkan lot Bumiputera, Kerajaan sedang melaksanakan beberapa tindakan seperti berikut:

- i. **pemetaan harga Rumah Mampu Milik (RMM)** berdasarkan pendapatan median mengikut negeri dan daerah yang diperolehi daripada tinjauan Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2022. Pemetaan ini bertujuan sebagai **panduan kepada pemaju serta agensi penyedia perumahan** bagi **menetapkan harga jualan** rumah di satu-satu lokaliti dan boleh diakses melalui **Dashboard Maklumat Rumah Mampu Milik** di laman web Malaysia *Urban Observatory* (MUO) iaitu <https://www.muo.gov.my> ;
- ii. **membangunkan Sistem Analitis Data Raya (BDA) Perumahan** sebagai sumber rujukan berpusat bagi data perumahan. BDA Perumahan ini adalah merupakan sistem yang akan menghimpunkan data-data perumahan dan akan menjadi **sumber rujukan** bagi data-data perumahan khususnya dalam proses perancangan pemajuan perumahan dan memaparkan maklumat penawaran rumah oleh pemaju di satu-satu lokaliti;
- iii. menggalakkan pemaju untuk **melaksanakan Kajian Kebolehlaksanaan atau *Feasibility Study*** sebelum sesuatu pemajuan dilaksanakan bagi satu-satu kawasan. Ini bagi memastikan rumah yang dibina adalah berdasarkan kemampuan rakyat seterusnya mengelakkan rumah tersebut tidak terjual; dan
- iv. bagi menggalakkan pembelian rumah, Kerajaan juga turut menyediakan jaminan had pembiayaan sehingga RM500,000 bagi pembelian rumah pertama kepada mereka yang tidak mempunyai pendapatan tetap atau penyata gaji seperti golongan *gig economy* termasuk golongan muda serta berpendapatan rendah dan sederhana. Inisiatif ini dilaksanakan melalui **Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) di bawah inisiatif i-Biaya**. Skim Jaminan ini tidak terhad untuk kediaman baharu sahaja, tetapi termasuk juga rumah sedia ada atau rumah lelongan.

Di bawah **Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035** atau PuTERA35, Kerajaan juga bercadang untuk melaksanakan **kajian keselantaran keperluan perumahan** bagi meneliti keperluan dan penyediaan perumahan bagi golongan Bumiputera. Ini adalah bertepatan dengan matlamat PuTERA35 yang merupakan agenda menyeluruh negara ini untuk membangunkan ekonomi Bumiputera yang berteraskan nilai, akhlak dan integriti.

Kerajaan MADANI akan terus giat mengkaji dan meneroka pelbagai inisiatif dan penyelesaian agar kesejahteraan ekonomi dan sosial dapat diseimbangkan di mana rakyat mempunyai akses terhadap perumahan yang berkualiti dan mampu dimiliki tanpa menjejaskan pasaran hartanah serta ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN JAMALUDIN BIN YAHYA
[PASIR SALAK]**

TARIKH : 19 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN JAMALUDIN BIN YAHYA [PASIR SALAK] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan sejauh manakah keberkesanan langkah intervensi Kementerian dalam memastikan kelangsungan bekalan beras tempatan serta meningkatkan tahap sara diri (SSL) bagi beras tempatan negara yang masih berada jauh di bawah kadar 80% SSL ketika ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa memberi perhatian terhadap isu keberadaan bekalan beras putih tempatan (BPT) di pasaran yang melanda negara sejak tahun 2023. Dalam hal ini, KPKM sentiasa berusaha dengan pelbagai pendekatan bagi memastikan keberadaan bekalan BPT di pasaran mampu untuk memenuhi keperluan pengguna walaupun berdepan dengan pelbagai faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi produktiviti padi dan beras negara. Namun, KPKM akui keberadaan bekalan beras terutamanya BPT terutamanya di kawasan luar bandar adalah situasi yang perlu diberi perhatian agar rakyat mendapat akses kepada bekalan BPT yang berterusan.

Dalam usaha untuk memastikan kelangsungan industri padi beras negara, KPKM kini giat melaksanakan rombakan strategi melalui pelaksanaan reformasi industri padi dan beras. Antara langkah yang diambil melalui reformasi ini adalah pemantapan tatakelola melalui pengasingan kuasa melibatkan Bahagian Pembangunan Industri Padi (PIP), Kawalselia Padi Beras (KPB) dan wakil kerajaan dalam Padiberas Nasional Berhad (BERNAS), mewujudkan peraturan baharu larangan percampuran beras putih tempatan dengan beras putih import termasuk kajian daya saing struktur harga padi dan beras, penggabungan penguatkuasa di bawah KPKM bagi memperkukuh kawal selia sektor agromakanan serta reformasi pentadbiran Lembaga Pertubuhan Peladang dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, KPKM sedang melaksanakan pelbagai inisiatif yang meliputi pelan jangka pendek, sederhana dan jangka masa panjang bagi memastikan produktiviti hasil padi yang stabil sekali gus menyumbang kepada peningkatan pendapatan pesawah dan seterusnya meningkatkan tahap sara diri (SSL) beras. Antara usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan adalah melalui peningkatan produktiviti hasil padi meliputi:

(i) Menggalakkan Penggunaan Teknologi dan Menambahbaik Pengurusan Penanaman Secara Sistemik

KPKM menggalakkan penggunaan teknologi pertanian seperti dron dan jentanam untuk meningkatkan hasil padi melalui program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Ala Sekinchan yang telah mencatatkan peningkatan purata hasil padi sehingga 10.45 tan metrik per hektar sekaligus meningkatkan pendapatan pesawah dan mengurangkan bebanan kepada kos penanaman padi yang ditanggung mereka.

(ii) Memperkenalkan Varieti Padi Baharu

KPKM juga menggalakkan para pesawah untuk menggunakan varieti padi baharu hasil daripada proses penyelidikan dan pembangunan yang berterusan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI). Pada tahun 2024, MARDI telah memperkenalkan dua (2) varieti padi spesialiti baharu berkualiti tinggi untuk meningkatkan hasil dan pendapatan pesawah di negara ini iaitu varieti padi wangi tempatan MRQ 107 dan MRQ 111 yang mampu menjana hasil tuaian melebihi lima metrik tan per hektar dengan pengurusan yang baik.

Kedua-dua varieti ini mempunyai tahap kerintangan yang baik terhadap penyakit karah daun dan karah tangkai, lebih berdaya tahan, lebih rintang penyakit dan lebih berhasil tinggi. Sehubungan dengan itu, penggunaan varieti padi baharu ini dijangka dapat membantu para pesawah dalam menghadapi pelbagai isu seperti serangan penyakit dan makhluk perosak, bencana alam dan sebagainya.

(iii) Menyediakan Latihan berkaitan Pengurusan Penanaman

Pelbagai kaedah latihan berterusan yang dikendalikan oleh Jabatan Pertanian juga disediakan bagi membantu pesawah melaksanakan intervensi segera jika sebarang musibah berlaku. Melalui pelaksanaan program-program peningkatan hasil padi seumpama ini, Kementerian menjangkakan para pesawah di seluruh negara akan dapat meningkatkan pendapatan mereka sehingga 50 peratus semusim.

(iv) Menggalakkan Pesawah Memperoleh Pensijilan MyGAP

Pensijilan MyGAP dan insentif khas di bawah Jabatan Pertanian disediakan bagi menggalakkan penyertaan pesawah. Kesemua usaha dan langkah ini dilihat mampu memberi dorongan kepada pesawah dan secara tidak langsung dapat meningkatkan pendapatan mereka.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING]
TARIKH : 19 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini pelaksanaan projek naik taraf Klinik Kesihatan Biawak dengan kos RM7 juta yang telah diluluskan pada tahun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Klinik Kesihatan Biawak, Lundu, Sarawak merupakan salah satu daripada tujuh fasiliti yang terlibat dengan Projek Naik Taraf Fasiliti dan Klinik Daif KKM di Sarawak yang peruntukannya telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa ucapan balas di Majlis Makan Malam Sambutan Gawai Dayak pada 23 Jun 2024.
2. JKR Sarawak telah dilantik sebagai Agensi Pelaksana projek ini dan Jabatan tersebut kini sedang melaksanakan kerja ukur tanah dan menyediakan anggaran kos projek.
3. Berdasarkan perancangan JKR Sarawak, projek ini dijadualkan akan ditender pada bulan Disember 2024. Kerja-kerja di tapak pula akan bermula pada Februari 2025 dan projek ini dijangka siap pada September 2026.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KALAM BIN SALAN
[SABAK BERNAM]**

TARIKH : 19 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN KALAM BIN SALAN [SABAK BERNAM] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sejauh mana usaha dan tindakan proaktif Kementerian untuk menggubal Dasar Gaji Progresif bagi sektor swasta supaya selaras dengan penambahbaikan gaji dan elaun penjawat awam yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar Gaji Progresif (DGP) diperkenalkan untuk mereformasi pasaran buruh dengan matlamat untuk meningkatkan pertumbuhan kadar gaji pekerja dan mencapai pengagihan pendapatan yang lebih seimbang. DGP merupakan pelengkap kepada inisiatif sedia ada berkaitan gaji termasuk pelaksanaan Perjanjian Perundingan Kolektif, Sistem Upah yang Dikaitkan dengan Produktiviti (PLWS) dan Perintah Gaji Minimum. Pelaksanaan DGP dijangka akan meningkatkan gaji pekerja secara sistematik dan memupuk persaingan yang sihat antara majikan untuk menawarkan gaji yang progresif kepada pekerja.

DGP telah digubal berdasarkan pengalaman Singapura melaksanakan Dasar Pembetulan Gaji antara tahun 1979 dan 1982 yang berdepan cabaran ekonomi dengan rangkaian nilai yang rendah dan berintensifkan buruh. Dasar tersebut telah berjaya membantu Singapura meningkatkan produktiviti, mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing berkemahiran rendah dan meningkatkan sumbangan sektor bernilai tinggi. Maka, kejayaan dasar tersebut telah dijadikan panduan dalam merangka DGP di Malaysia dengan mengambil kira struktur ekonomi Singapura pada ketika itu menyamai struktur ekonomi negara pada ketika ini.

DGP yang diperkenalkan di Malaysia mempunyai tiga ciri asas iaitu pelaksanaan adalah secara sukarela, berteraskan insentif dan peningkatan gaji yang terkait dengan produktiviti. Pelaksanaan DGP secara sukarela tanpa pengenalan undang-undang baharu adalah bagi memastikan ketersediaan dan kemampuan majikan. Insentif tunai yang disediakan Kerajaan bagi tempoh tertentu kepada syarikat yang memenuhi syarat dan kriteria ditetapkan akan membolehkan syarikat melakukan penyesuaian tanpa tekanan kos yang terlalu besar.

Kenaikan gaji yang terkait dengan produktiviti akan menangani kebimbangan utama pihak majikan supaya kenaikan gaji perlu seiring dengan peningkatan tahap kemahiran dan produktiviti pekerja. Ini dapat mewujudkan konsep timbal balik di antara majikan dan pekerja, di mana peningkatan produktiviti pekerja akan menyumbang kepada peningkatan daya saing syarikat. Pada masa yang sama, golongan pekerja akan menikmati kenaikan gaji yang sistematik selaras dengan peningkatan kemahiran dan budaya pembelajaran berpanjangan.

Bagi tujuan tersebut, empat garis panduan berkaitan dasar, gaji permulaan dan kenaikan gaji tahunan, sistem dan latihan telah dimuatnaik di laman sesawang DGP iaitu gajiprogresif.gov.my untuk rujukan pihak majikan dan pekerja. Garis Panduan Gaji Permulaan dan Kenaikan Gaji Tahunan menggariskan cadangan gaji bagi pekerja peringkat permulaan dan kenaikan gaji pekerja bukan peringkat permulaan selaras dengan kategori pekerjaan yang terdapat di dalam Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO). Cadangan kadar gaji permulaan dan kenaikan gaji tahunan tersebut adalah mengambil kira faktor perubahan produktiviti pekerja, kadar pengangguran, perubahan keluaran dalam negeri kasar sebenar dan perubahan kadar inflasi.

Penambahbaikan terhadap dasar gaji pekerja sektor swasta melalui pelaksanaan DGP dan kajian semula kenaikan gaji sektor awam Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang akan dilaksanakan pada bulan Disember 2024 dijangka akan menambah baik taraf hidup golongan pekerja di Malaysia. Reformasi gaji yang dilaksanakan ini juga dijangka akan mempercepat peralihan struktur ekonomi ke rantai nilai yang lebih tinggi bagi merealisasikan aspirasi negara berpendapatan tinggi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WILLIE ANAK MONGIN
[PUNCAK BORNEO]**

TARIKH : 19 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK WILLIE ANAK MONGIN [PUNCAK BORNEO] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kekangan sebenar yang membantutkan usaha Kementerian untuk penambahbaikan dalam akses dan kualiti perkhidmatan kesihatan di negara kita. Adakah Sistem Maklumat Rekod Pesakit (SMRP) mempunyai rekod data pesakit secara besepadu dan dapat digunakan di seluruh klinik dan hospital Kerajaan seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sistem penjagaan kesihatan di negara ini sebenarnya telah pun mencapai sasaran perlindungan kesihatan sejagat atau '*universal health coverage*' termasuklah dalam konteks ketersediaan komponen akses perkhidmatan dan kualiti penyampaian perkhidmatan seperti mana yang ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia.
2. Walau bagaimanapun, cabaran pada masa kini seperti urbanisasi, perubahan cara hidup, populasi yang semakin menua dan peningkatan jurang pendapatan dalam kalangan rakyat telah mengakibatkan sistem penjagaan kesihatan negara mengalami peningkatan dalam jumlah kedatangan pesakit. Justeru, perkhidmatan yang ditawarkan perlu ditambah baik dari semasa ke semasa khususnya untuk memendekkan lagi masa menunggu untuk mendapatkan perkhidmatan tertentu seperti perkhidmatan rawatan kepakaran, dalam masa yang sama terus memastikan kualiti perkhidmatan sentiasa di tahap yang terbaik.
3. Sehubungan dengan itu, antara langkah yang sedang diusahakan adalah mereformasi sistem kesihatan negara, menerusi pelaksanaan inisiatif pendigitalan *National Electronic Medical Record* (EMR).
4. Antara kekangan yang menjadi cabaran dalam usaha Kementerian Kesihatan untuk menambah baik akses dan kualiti perkhidmatan kesihatan ialah jurang digital yang agak besar dan perkara ini perlu ditangani terlebih dahulu melibatkan hospital, institusi perubatan, klinik di bandar, luar bandar dan di pedalaman. Selain itu, cabaran lain yang dihadapi ialah untuk mengadakan fungsi saling kebolehooperasian (*interoperability*) antara sistem maklumat digital bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan yang lebih bersepadu, kekangan dari segi infrastruktur dan teknologi serta kos pelaksanaan pendigitalan yang tinggi.
5. Sistem Maklumat Rawatan Pelanggan (SMRP) merupakan salah satu sistem sumber (*source system*) dalam *Malaysian Health Data*

NO SOALAN : 37

Warehouse (MyHDW). SMRP tidak mempunyai rekod data pesakit secara bersepadu. Walau bagaimanapun, SMRP digunakan untuk merekodkan data kedatangan pesakit di hospital institusi perubatan bagi tujuan menghasilkan statistik kesihatan secara *manual entry* dan berintegrasi daripada *Hospital Information System* (HIS).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 19 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' SRI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN [KUBANG KERIAN] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan kesediaan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi menggubal kod piawaian pusat data yang tidak pernah dipinda sejak tahun 2015 agar mencapai kecekapan penggunaan tenaga atau *power usage effectiveness* (PUE) yang lebih baik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah mendaftarkan kod teknik bertajuk MCMC MTSFB TC G004:2015, *Specifications for Green Data Center* pada tahun 2015. Kod teknik ini telah dibangunkan oleh Malaysian Technical Standards Forum Bhd (MTSFB) iaitu forum industri yang ditetapkan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588). Kod teknik tersebut menetapkan keperluan-keperluan minimum serta amalan terbaik untuk pusat data yang mampan, termasuklah kecekapan penggunaan tenaga [*power usage effectiveness (PUE)*].

Proses semakan pertama bagi kod teknik tersebut sedang dijalankan dan dijangka siap dan didaftarkan pada suku pertama 2025. Proses semakan ini turut melalui sesi libat urus bersama pihak industri dan agensi yang berkaitan bagi memastikan kod teknik tersebut kekal relevan. Kod teknik ini juga bertujuan untuk menjadi panduan untuk semua pihak berkaitan bagi meningkatkan kecekapan penggunaan tenaga serta mengurangkan *carbon footprint* bagi industri pusat data di Malaysia.

Semakan terbaharu kod teknik ini akan menambah baik beberapa keperluan sedia ada berdasarkan standard antarabangsa terbaharu dan memperkenalkan beberapa keperluan baharu yang mengambil kira amalan-amalan terbaik bagi pengoperasian pusat data yang mampan berdasarkan kemajuan teknologi terkini antaranya ialah kemas kini klasifikasi PUE, Suhu Udara Bekalan [*Supply Air Temperature (SAT)*], Keberkesanan Penggunaan Air [*Water Usage Effectiveness (WUE)*], Keberkesanan Penggunaan Karbon [*Carbon Usage Effectiveness (CUE)*] dan kecekapan sistem Bekalan Kuasa Tidak Terganggu [*Uninterruptible Power Supply (UPS)*]. Terdapat juga penambahan klausa penyepaduan tenaga boleh diperbaharui [*renewable energy integration*] untuk strategi dan pengesyoran penggunaan, termasuk untuk sistem Photovoltaic (PV).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]**
TARIKH : **19 NOVEMBER 2024 (SELASA)**

SOALAN

TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tentang penangkapan oleh SPRM berkaitan dengan skandal kartel yang memalsukan tuntutan hilang upaya Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) di Pulau Pinang, apakah tindakan ke atas mereka yang terbabit, rombak ke atas sistem pengurusan sekarang serta adakah Jabatan Ortopedik berkenaan masih berfungsi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan secara prinsipnya tidak berkompromi dengan sebarang unsur penyalahgunaan kuasa dan salah laku rasuah.
2. Berhubung dengan tangkapan yang dibuat oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berkaitan dakwaan bahawa pegawai Kementerian Kesihatan terlibat dalam skandal kartel memalsukan tuntutan hilang upaya Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) di Pulau Pinang, kelima-lima pegawai tersebut telah diambil tindakan tahan kerja di bawah peruntukan Peraturan 43, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 berkuat kuasa 17 September 2024. Tempoh tahan kerja adalah selama 30 hari bagi memudah cara urusan siasatan dan tempoh tahan kerja tersebut telah berakhir pada 16 Oktober 2024.
3. Pada masa ini, pegawai yang terlibat telah kembali bertugas namun dipindahkan ke hospital lain sementara menunggu hasil siasatan dan pertuduhan oleh SPRM.
4. Skop fungsi dan pengoperasian jabatan ortopedik di hospital tersebut diteruskan seperti biasa bagi menyampaikan perkhidmatan kepakaran ortopedik kepada pesakit dengan dibantu oleh pegawai dari hospital berhampiran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA DR. JEFFREY
GAPARI KITINGAN [KENINGAU]**

TARIKH : 19 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA DR. JEFFREY GAPARI KITINGAN [KENINGAU] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan bilakah Kerajaan akan mengkaji kebolehlaksanaan dan meluluskan pembinaan Pelabuhan Darat Keningau (Keningau Inland Port) bersama laluan kereta api melalui terowong dari Keningau ke Kumanis dan seterusnya ke Pelabuhan Sepanggar, Kota Kinabalu yang sekaligus boleh memesatkan pembangunan dan perindustrian dan melonjakkan ekonomi di pedalaman Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa memberi perhatian terhadap perancangan pembangunan di seluruh negara bagi memberi keselesaan dan meningkatkan taraf hidup rakyat di Sabah termasuk di daerah Keningau.

2. Dalam meningkatkan kebolehcapaian dan ketersambungan laluan rel di Negeri Sabah dan Negeri Sarawak, pihak Kementerian Pengangkutan (MOT) sedang menjalankan Kajian Kebolehlaksanaan Projek Trans Borneo Railway. Kajian ini akan dilaksanakan dalam tempoh dua (2) tahun iaitu bermula pada tahun 2024 dan dijangka siap pada tahun 2025 dengan kos keseluruhan sebanyak RM7.0 juta. Peruntukan yang diluluskan bagi melaksanakan kajian adalah sebanyak RM3.0 juta pada tahun 2024 manakala RM4.0 juta pada tahun 2025. Kajian ini akan memperhalusi skop teknikal dan kewangan terhadap jajaran rel yang sedang dikenal pasti.

3. Namun begitu, pembinaan laluan keretapi dari Keningau ke Kimanis dan seterusnya ke Pelabuhan Sepanggar hanya boleh dilaksanakan berdasarkan hasil dapatan kajian tersebut, Ini bagi memastikan perancangan projek adalah berdaya saing dan mampan dalam jangka masa panjang dalam memberi manfaat kepada rakyat Sabah khususnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WAN SAIFULRUDDIN BIN WAN JAN
[TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 19 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK WAN SAIFULRUDDIN BIN WAN JAN [TASEK GELUGOR] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan pelan terkini Kementerian dalam pembangunan rangkaian 5G kedua, termasuk dalam memastikan proses tender yang telus, menjamin persaingan sihat, unjuran garis masa pelaksanaan, analisa kos manfaat yang telah dijalankan serta isu-isu berbangkit seperti risiko penggunaan kelengkapan Huawei dan ZTE.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah melaksanakan proses terperinci dari aspek teknikal dan komersial untuk memilih Pengendali Rangkaian Mudah Alih [*Mobile Network Operator (MNO)*] yang akan melaksanakan rangkaian 5G kedua Malaysia. Pemilihan ini telah dilaksanakan melalui proses *beauty contest* atau dalam bahasa mudah, melalui proses tender, dan bukannya secara penganugerahan terus atau *direct award*.

Pemilihan syarikat pelaksana rangkaian 5G kedua dibuat berdasarkan gabungan beberapa faktor seperti rancangan perniagaan dan teknikal yang dikemukakan, rekod kadar aduan dan kepuasan pelanggan serta prestasi mereka dalam melaksanakan inisiatif infrastruktur lain. Ini termasuk faktor sumbangan kepada projek Penyediaan Perkhidmatan Sejangat (USP) seperti JENDELA Fasa 1 dan projek penaiktarafan 4G.

Bagi pemilihan ini, komitmen-komitmen pengawalseliaan telah ditetapkan untuk memastikan pematuhan kepada standard yang ditetapkan. MCMC akan memantau komitmen ini dengan teliti dan tindakan kawal selia dan penguatkuasaan akan dilaksanakan terhadap sebarang ketidakpatuhan.

Kerajaan tiada halangan dalam penggunaan teknologi daripada mana-mana negara selagi kelengkapan komunikasi tersebut diperakui sepertimana yang dikehendaki di bawah Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Standard Teknik) 2000. Pemerakuan ini bertujuan memastikan kelengkapan tersebut mematuhi kod teknik atau standard yang dikuatkuasakan oleh MCMC bagi memastikan pematuhan terhadap keperluan-keperluan yang merangkumi keselamatan elektrik, keserasian elektromagnetik, kesalingbolehkendalian dan penggunaan frekuensi radio.

Selain itu, kelengkapan rangkaian komunikasi hendaklah memenuhi piawaian pengujian keselamatan seperti yang digariskan oleh NESAS (*Network Equipment Security Assurance Scheme*), SCAS

NO SOALAN : 41

(*Security Assurance Specifications*) ataupun *Common Criteria*, jika berkaitan. Pematuhan kepada standard pengujian keselamatan tersebut dapat memastikan kelengkapan rangkaian komunikasi adalah selamat sebelum diintegrasikan ke dalam rangkaian yang dibangunkan.

Kerajaan juga amat menekankan kepada *redundancy* dan kepelbagaian rangkaian dan tidak bergantung sepenuhnya kepada satu rangkaian atau satu pembekal sahaja.

Sekian, terima kasih.